

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis
DARIPADA : Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran]
SOALAN : Datuk Juslie bin Ajirol minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah penyelewengan dan ketirisan subsidi diesel dan petrol kepada nelayan di negeri Sabah terutama di kawasan Parlimen Libaran supaya matlamat Kerajaan membantu nelayan dan peningkatan tangkapan ikan dapat dicapai.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 31 Ogos 2014, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sebagai agensi pelaksana telah menangguhkan 62 buah vesel menangkap ikan dan menyenarai hitam 61 buah vesel menangkap ikan dari menerima subsidi diesel dan petrol di negeri Sabah kerana melakukan pelbagai aktiviti penyelewengan. Tindakan penguatkuasaan tersebut turut melibatkan penangguhan pemberian diesel dan petrol bersubsidi kepada 19 buah vesel dan menyenarai hitam 41 buah vesel nelayan di kawasan Parlimen Libaran.